

26 MAY 2001

Cuepacs-MBJ

JPA PUN TAK PUAS HATI PERJALANAN MBJ, KATA CUEPACS

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Awam dan Cuepacs sama-sama tidak berpuas hati dengan perjalanan dan pelaksanaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) di kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, kata setiausaha agung Cuepacs Abdul Rahman Manan.

Beliau berkata Ketua Pengarah JPA Datuk Jamaludin Ahmad Damanhuri melahirkan rasa tidak puas hati itu dalam pertemuannya dengan pemimpin-pemimpin Cuepacs di Putrajaya semalam.

"Cuepacs diberi maklum JPA perjalanan dan pelaksanaan MBJ di kementerian, jabatan dan agensi kerajaan masih tidak menepati Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1992," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Abdul Rahman berkata bahawa Cuepacs diberi jaminan bahawa JPA akan membuat pemantauan dan memberi taklimat mengenai penubuhan, perjalanan dan pelaksanaan MBJ mengikut kehendak pekeliling itu.

MBJ adalah saluran atau mekanisme bagi membincangkan masalah dan isu-isu yang dibangkitkan oleh pekerja di peringkat kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

Pada perhimpunan Hari Pekerja pada 1 Mei lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman supaya memastikan laporan mengenai perjalanan MBJ dihantar kepada beliau setiap dua bulan.

Abdul Rahman berkata Cuepacs akan bekerjasama dengan JPA bagi memantau perjalanan dan pelaksanaan MBJ serta mendapatkan laporan terperinci dari kesatuan-kesatuan gabungannya untuk dikemukakan kepada JPA.

Beliau juga berkata bahawa pada pertemuan semalam, Jamaluddin mengesahkan bahawa JPA sedang mengkaji semula beberapa elemen utama dalam Sistem Saraan Baru (SSB).

Antara elemen itu ialah Jadual Gaji Matriks yang berkaitan dengan Kenaikan Gaji Tahunan, Bayaran Imbuan Perkhidmatan Kritikal (Elaun Kritikal) dan struktur Tingkatan Perkhidmatan, katanya.

"Cuepacs yakin laporan awal kajian SSB akan dapat dirangka dalam tempoh tiga bulan," kata Abdul Rahman.

-- BERNAMA

MHI AZZ MAI